

# Anwar dapat tangguh kes saman Yusoff Rawther

BERITA HARIAN 11 JUN 2025

m/s: 15

Perbicaraan penuh penangguhan didengar dan diputuskan pada 21 Julai ini

Oleh Ahmad Johari Mohd Ali  
ajohari@bh.com.my

**Putrajaya:** Mahkamah Rayuan semalam membenarkan permohonan Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menangguhkan perbicaraan kes saman yang dikemukakan terhadapnya oleh bekas pembantu penyelidik beliau, Muhammed Yusoff Rawther.

Kes saman berkenaan adalah berhubung satu insiden yang berlaku sebelum Anwar menjadi Perdana Menteri, yang sebelum ini ditetapkan untuk pendengaran di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur bermula 16 Jun ini.

Panel tiga hakim Mahkamah Rayuan yang dipengerusikan Datuk Supang Lian memerintahkan semua prosiding termasuk perbicaraan saman berkenaan di Mahkamah Tinggi ditangguhkan

sementara, sehingga perbicaraan penuh penangguhan didengar dan diputuskan pada 21 Julai ini di mahkamah sama.

Turut bersidang dalam panel hari ini ialah Datuk Faizah Jamaludin dan Datuk Ahmad Fairuz Zainol Abidin.

Supang dalam keputusannya berkata, selepas mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, mahkamah berpendapat ia mempunyai kuasa mengikut Seksyen 44 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 untuk mengeluarkan perintah sementara bagi memelihara integriti permohonan penangguhan Anwar, sehingga ia diputuskan.

“Sehubungan itu, kami dengan ini mengeluarkan perintah ad-interim (relif sementara untuk mengekalkan status quo) untuk menangguhkan semua prosiding, termasuk perbicaraan penuh di Mahkamah Tinggi, sementara menunggu pelupusan permohonan penangguhan oleh perayu,” katanya.

Anwar memfailkan permohonan untuk menangguhkan prosiding perbicaraan kes saman yang difailkan terhadapnya pada 2021 itu, pada 6 Jun lalu.

Peguamnya, Datuk Seri Rajasegaran Krishnan memberitahu media, perbicaraan penuh per-

mohonan penangguhan itu adalah pada 21 Julai ini.

## Prosiding melalui Zoom

Sementara itu, pada prosiding yang dijalankan melalui aplikasi Zoom, peguam Anwar, Alan Wong Teck Lee berhujah, jika perbicaraan diteruskan pada 16 Jun ini, ia memberi kesan bahawa rayuan Anwar tidak boleh diubah dan kerugian yang dialaminya tidak boleh dipulihkan.

Beliau berkata isu perlembagaan yang dibangkitkan Anwar mengenai rayuan itu akan turut diatasi oleh peristiwa yang berlaku dan sebarang keputusan seterusnya oleh mahkamah akan menjadi tidak bermakna lagi.

“Proses rayuan itu sendiri akan terbantut, menjadi seolah-olah ia sudah ditolak, malah bersifat akademik.

“Perayu adalah Perdana Menteri dan dia perlu mengalihkan perhatian daripada urusan kerajaan, bukan sahaja untuk perbicaraan selama tujuh hari ini yang dijadualkan bermula Isnin depan, malah untuk semua persiapan yang perlu dibuat.

“Sudah tentu gangguan sebegini berisiko menjejaskan fungsi institusi Eksekutif dan Pejabat Perdana Menteri dan menimbul-

kan kebimbangan serius terhadap keseimbangan perlembagaan dan keyakinan orang ramai terhadap pentadbiran keadilan,” katanya.

Peguam itu berhujah, Muhammed Yusoff tidak akan diprejudiskan sekiranya perbicaraan ditangguhkan berbanding Anwar yang kini memegang jawatan awam.

Katanya, permohonan penangguhan itu juga tidak memprejudiskan perbicaraan saman berkenaan.

Peguam Muhammad Rafique Rashid Ali bagi pihak Muhammed Yusoff pula berhujah, dengan membenarkan penangguhan pada peringkat ini, sama ada ad interim atau sebaliknya, akan mengganggu jadual mahkamah dan menjejaskan hak anak guamnya untuk mendapatkan keadilan sewajarnya, pada waktunya.

Peguam itu berkata, hak anak guamnya untuk mendapatkan akses kepada keadilan adalah hak asasi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Pada 4 Jun lalu, Anwar memfailkan notis rayuan selepas Mahkamah Tinggi menolak permohonan beliau untuk merujuk lapan persoalan berkenaan kes itu ke Mahkamah Persekutuan.